

MAHATHIR-PEMBANGUNAN

1978

SIK, 15 FEB (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MENGARAHKAN JABATAN PERTANIAN NEGERI KEDAH MEMBUAT KAJIAN TENTANG KEMUNGKINAN MELAKSANAKAN RANCANGAN TANAMAN BAWANG MERAH SECARA BESAR-BESARAN DI NEGERI INI.

KATANYA, MENURUT SATU PENYELIDIKAN YANG DIJALANKAN BAWANG MERAH DIDAPATI SESUAI DITANAM DI SELURUH NEGARA.

OLEH AL YANG DEMIKIAN, TAMBAHNYA, JABATAN PERTANIAN NEGERI PERLU MENGAMBIL DAYAUSAHA UNTUK MENGGALAKKAN PARA PETANI MENANAM BAWANG MERAH DI KAWASAN MEREKA SECARA PERCUBAAN.

SEKIRANYA RANCANGAN TERSEBUT BERJAYA, IA BUKAN SAHAJA AKAN DAPAT MENGURANGKAN PERGANTUNGAN NEGARA KEPADA NEGARA-NEGARA LAIN BAGI BEKALAN BAWANG MERAH TETAPI JUGA MEMBERIKAN PENDAPATAN TAMBAHAN KEPADA PARA PETANI.

DISAMPING ITU, RANCANGAN TERSEBUT JUGA AKAN MENJAMIN BEKALAN BAWANG MERAH YANG TIDAK PUTUS BERTA MENSTABILKAN HARGANYA. KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENDENGAR TAKLIMAT PEMBANGUNAN DAERAH SIK YANG DISAMPAIKAN OLEH PEGAWAI DAERAH ITU, ENCIK MOHAMAD NOR DIN, DI SINI HARI INI. — BERSMBUNG 164/1B

MAHATHIR-PEMBANGUNAN 2 SIK

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGARAHKAN JABATAN PERTANIAN SUPAYA MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH BERKESAN BAGI MEMBAIKI TARAF HIDUP PARA PETANI DI NEGERI INI.

KATANYA, JABATAN TERSEBUT PATUT MENYEMAK SEMULA PENGGUNAAN TANAH TERUTAMA KAWASAN-KAWASAN KAMPUNG DI NEGERI INI DAN MENENTUKAN AGAR KAWASAN TERSEBUT DIGUNAKAN SEPENUHNYA UNTUK MENAMBAH PENDAPATAN MEREKA.

MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI, PADA MASI ITU TERDAPAT BANYAK KAWASAN TANAH KAMPUNG YANG TIDAK DIUSAHAKAN SAMA SEKALI OLEH TUAN-TUANPUNYA TANAH.

KATANYA, DI DAERAH SIK UMPAMANYA TERDAPAT KAWASAN KAMPUNG SELUAS 15,434 EKAR YANG DIDAMI OLEH 7,918 KELUARGA PENDUDUK BERJUMLAH 42,198 ORANG.

SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA KAWASAN TERSEBUT TIDAK DIGUNAKAN LANGSUNG DAN INI SANGAT MERUGIKAN BUKAN SAHAJA KEPADA TUAN-TUANPUNYA TANAH ITU SENDIRI BAHKAN JUGA KEPADA PEMBANGUNAN NEGERI INI.

KEADAAN SEPERTI ITU PERLU DIBAIKI DENGAN SEGERA UNTUK MEMPERTIKAN DASAR EKONOMI BARU KERAJAAN DAPAT MENCAPAI KEJAYAAN SEPENUHNYA.

KATANYA, JABATAN PERTANIAN HENDAKLAH MEMILIH BEBERAPA BUAH KAMPUNG DAN MENUNJUKKAN KEPADA PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG BERKENAAN BAGAIMANA MEREKA BOLEH MENDAPATKAN PEROLEHAN TAMBAHAN SEKIRANYA MEREKA MENGUSAHAKAN TANAH-TANAH YANG TERBIAR ITU. — BERSAMBUNG 1645/1B

EE

B567:

MAHATHIR-PEMBANGUNAN 3 SIK

BAGAIMANAPUN, DATU SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN PEGAWAI-PEGAWAI PERTANIAN SUPAYA JANGAN MEMBER PERHATIAN KEPADA SATU JENIS TANAMAN SAHAJA KEPANA INI HANYA AKAN MEMBAWA KEPADA KEJATUHAN HARGA BAHAN ITU.

BELIAU JUGA MENYATAKAN TENTANG RASA KURANG PUASHATINYA TERHADAP PERJALANAN JABATAN PERTANIAN DI NEGERI INI DALAM USAHA-USAHA PEMBANGUNAN.

+PENGARAH PERTANIAN NEGERI KEDAH HENDAKLAH MEMASTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI PERTANIAN DI SELURUH NEGERI INI MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING DENGAN LEBIH BERKESAN LAGI UNTUK MENJAMIN SEMUA RANCANGAN PEMBANGUNAN PERTANIAN DILAKSANAKAN DENGAN JAYA, TEGASNYA.

DATU SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA Pengerusi FIMA MENGUMUMKAN BAHAWA FIMA AKAN MENJALANKAN PROJEK PERINTIS TANAMAN PADI YANG MENGGUNAKAN JENTERA-JENTERA MODEN DI SEBAHAGIAN DARIPADA KAWASAN 2,000 EKAR YANG DIUNTUKKAN KEPADANYA DI SUNGAI SEMIAR, DEKAT SINI.

PROJEK TERSEBUT AKAN DIJALANKAN DI KAWASAN PAYA YANG TERDAPAT DI SITU, KATANYA.

SEKIRANYA PERUSAHAAN TANAMAN PADI SECARA LADANG ITU BOLEH MENDATANGKAN PEROLEHAN YANG LEBIH DARIPADA YANG DIUSAHAKAN OLEH PARAPETANI, PROJEK ITU AKAN DIPEKENALKAN KEPADA MEREKA. ---

BERSAMBUNG 1655/1B

EE

B568:

MAUATHIR-PEMBANGUNAN 4 SIK

DIBAHAGIAN LAIN KAWASANTERSEBUT, KATANYA, FIMA AKAN MENJALANKAN TANAMAN BUAH-BUAHAN SEPerti MEMPELAM, RAMBUTAN, DURIAN DAN SEBAGAINYA UNTUK DITINKAN.

SEHINGGA INI SELUAS 500 EKAR DARIPADA KAWASAN TERSEBUT TELAH PUN DIBERSIHKAN UNTUK DITANAM DENGAN POKOK BUAH-BUAHAN. --- BERNAMA 1657/1B